

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

*Mac*/April 1992

RMK 456 - Pengurusan Projek Binaan

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. a) Bincangkan perubahan peranan dan pengaruh klien dan kesannya terhadap industri binaan.  
b) Apakah yang diharapkan oleh klien daripada industri binaan? Mengapa?  
c) Bagaimanakah klien dapat diintegrasikan dengan pasukan projek?

(25 markah)

2. Industri binaan ialah salah satu industri penting dalam sesebuah ekonomi. Peranannya dalam pembangunan sesebuah negara merangkumi pelbagai bidang.

- a) Berikan gambaran tentang pentingnya industri binaan dan bincangkan peranannya dalam ekonomi Malaysia.
- b) Berikan senario perkembangan industri binaan Malaysia dalam tempoh 20 tahun yang lepas serta tunjukkan perkara-perkara penting yang telah berlaku dalam tempoh tersebut.
- c) Bagaimanakah industri binaan perlu bertindak untuk menempuh masa depan?

(25 markah)

3. Organisasi projek ialah satu organisasi yang menggabungkan pelbagai bidang kepakaran. Bincangkan pendekatan konsep pembezaan, saling bergantung dan integrasi dalam sesebuah organisasi projek binaan.

(25 markah)

4. a) Kenalpasti dan terangkan kaedah-kaedah mengurus projek secara tradisional dan bukan tradisional.
- b) Terangkan perbezaan-perbezaan serta kelebihan dan kekurangan kaedah-kaedah tersebut.
- c) Mengapakan berlakunya pendekatan yang berbeza ini? Bincangkan.

(25 markah)

5. a) Pengurus projek ialah pemimpin bagi kumpulan projek. Apakah pendekatan gaya kepimpinan yang boleh diambil oleh pengurus projek? Bincangkan.
- b) Kualiti kepimpinan projek boleh diperhatikan dalam dua aspek, iaitu dari segi sifat dan kemahiran. Bincangkan.

(25 markah)

6. a) Pencapaian objektif projek adalah penting dan ia boleh diukur dari segi masa, kos dan kualiti. Antara aktiviti pengurusan projek yang penting demi pencapaian objektif ialah perancangan dan kawalan. Bincangkan.
- b) Bagaimanakah kawalan dibuat terhadap masa, kos dan kualiti.

(25 markah)

-ooo00ooo-